

# Bekalan 40,000 tan beras ST15 dibekuk

> Kuota jualan 40,000 tan beras subsidi super tempatan 15 peratus hancur (ST15) kepada pemborong di seluruh negara kini dipercayai 'tergendala' berikutan pertukaran dan siasatan dalaman Bahagian Kawal Selia Padi Beras (KPB) bagi mengesan pemborong yang terbabit melakukan penyelewengan susulan pendedahan eksklusif Harian Metro sejak 23 Oktober lalu.





LAPORAN Harian Metro 23 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 24 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 25 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 27 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 28 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 8 November lalu.



LAPORAN Harian Metro 7 November lalu.



LAPORAN Harian Metro 6 November lalu.

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**S**usulan pendedahan eksklusif Harian Metro berkenaan penyelewengan penjualan beras subsidi di negara ini sejak 23 Oktober lalu, kuota jualan 40,000 tan beras subsidi super tempatan 15 peratus hancur (ST15) kepada 200 pemborong beras di seluruh negara dipercayai 'tergendala' pada bulan ini.

Menurut sumber, tindakan itu dipercayai akibat pertukaran jawatan di dalam Bahagian Kawal Selia Padi Beras (KPB) selain siasatan dalam yang dilakukan KPB untuk mengesan pemborong

# 'Bekuk' subsidi

## ■ Pengagihan 40,000 tan beras ST15 kepada 200 pemborong tergendala selepas pendedahan



LAPORAN Harian Metro 5 November lalu.



LAPORAN Harian Metro 4 November lalu.



LAPORAN Harian Metro 1 November lalu.

yang terbabit melakukan penyelewengan beras. "Sebelum ini, senarai kuota kepada pemborong akan dikeluarkan pada minggu pertama setiap bulan, tetapi selepas pendedahan bersiri Harian Metro sejak 23 Oktober lalu, sehingga hari ini senarai kuota itu masih belum dikeluarkan. "Kami difahamkan berlaku rombakan jawatan di peringkat KPB. Mereka juga sedang menyiagiat untuk mengenal pasti pemborong yang terbabit dalam penyelewengan beras ST15. "Sekiranya bukti mencukupi, syarikat pemborong terbabit akan dibatalkan daripada senarai kuota berkenaan," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam. Sementara itu, pemilik sebuah syarikat pemborong beras di utara Semenanjung yang enggan dikenali turut mengakui pihaknya belum

mendapat kuota beras yang kebiasaannya diterima pada minggu pertama setiap bulan. "Saya difahamkan, hal ini berpunca daripada pertukaran jawatan di KPB selain mungkin ada beberapa siasatan yang perlu dilakukan," katanya enggan mengulas lanjut. Laporan eksklusif bersiri akhbar ini bermula pada 23 Oktober lalu dengan pendedahan mengenai penyelewengan dan ketirisan beras ST15 apabila dianggarkan 30,000 tan bekalan komoditi itu dengan nilai subsidi RM12 juta dipercayai mengalami ketirisan setiap bulan. Sumber mendedahkan, dipercayai hanya 10,000 tan beras berkenaan yang dibekalkan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) kepada

pemborong pada harga subsidi RM1,350 setiap tan 'wujud' di pasaran. Laporan bersiri itu turut mendedahkan hasil ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap empat sampel beras 10 kilogram yang mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur yang berkali ganda jauh lebih tinggi daripada dicatatkan pada label. Hasil kajian mendapati beras ST15 yang sepatutnya mempunyai 15 peratus beras hancur mempunyai hampir 37 peratus hancur manakala beras Super Special Tempatan lima peratus hancur mengandungi 27 peratus bijian hancur.

**FAKTA**  
Berlaku rombakan jawatan di KPB serta penyiagiatan ke atas pemborong yang terbabit dalam penyelewengan



LAPORAN Harian Metro 29 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 30 Oktober lalu.



LAPORAN Harian Metro 31 Oktober lalu.

Pendedahan demi pendedahan wartawan Harian Metro menyebabkan beberapa pihak tampil memberikan kenyataan menerusi e-mel serta komen di dalam Facebook yang mahukan pihak berkuasa menyasiat segera isu ini dan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang didapati bersalah. Program Beras Subsidi ST15 bermula sejak 2008 sebagai antara opsyen kepada golongan berpendapatan rendah untuk membeli beras pada harga lebih murah dan bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan beras subsidi sebanyak 40,000 tan sebulan bagi Semenanjung manakala 20,000 tan bagi Sabah dan Sarawak.